

## Laporan Pemerhati Komanwel

# Beberapa ulasan tidak tepat: PM

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Laporan Pasukan Pemerhati Komanwel mengenai perjalan pilihanraya umum pada 20 dan 21 Oktober lalu didapati mengandungi beberapa ulasan yang tidak tepat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan memberi penjelasan berhubung perkara itu kepada Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, secepat mungkin.

"Saya menerima laporan daripada Pasukan Pemerhati Komanwel itu minggu lalu dan mendapati ia mengandungi banyak saranan yang tidak tepat," katanya.

Beliau berkata, laporan itu akan didedahkan kepada umum sebaik saja penjelasan terhadapnya selesai.

"Saya juga akan mengadakan sidang akhbar tidak lama lagi untuk memberi pandangan kita mengenai laporan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan di Cheras, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, laporan itu antara lain menyebut jangka masa berkempen bagi menghadapi pilihanraya terlalu pendek dan akhbar utama tidak mem-

beri tempat kepada parti lawan.

"Sebenarnya, jangka masa kempen yang diperuntukkan tidaklah pendek kerana parti yang terbabit sudah berkempen selama lebih dua tahun, iaitu sejak 1988 lagi," katanya.

Menurutnya, akhbar utama yang mereka katakan juga hanya bertumpu kepada akhbar berbahasa Inggeris, tanpa mengetahui akhbar bahasa ibunda yang lain menyiarkan laporan yang berpihak kepada parti lawan.

"Sepertimana kita tahu, akhbar dalam bahasa ibunda seperti akhbar Cina dan Tamil yang lebih ramai orang membacanya berbanding akhbar berbahasa Inggeris.

"Tetapi perkara seumpama ini tidak dapat mereka membuat penilaian (dalam laporan mereka) kerana mereka cuma boleh baca akhbar berbahasa Inggeris," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihaknya sedang menyediakan kertas jawapan untuk diserahkan kepada Sekretariat Komanwel bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung laporan Pasukan Pemerhati komanwel itu.

Mengenai perkembangan Krisis Teluk, beliau berkata, sebarang langkah yang akan diambil oleh Malaysia tertakluk kepa-

da keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita sedar ramai rakyat Kuwait dikatakan disiksa dan ditindas. Dalam hal ini, mungkin kita menganiaya mereka kerana kita mengambil masa terlalu panjang untuk bertindak.

"Bagaimanapun, kita kena tunggu kesan sekatan terhadap Iraq sepertimana diputuskan oleh PBB, yang mana kita juga menyetujuinya," katanya.

Mengulas cadangan Pemuda Umno Kedah supaya Kementerian Dalam Negeri menarik balik permit akhbar Pas, Harakah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan berbuat begitu kerana "kita mengamalkan dasar liberal."

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan terus mengawasi akhbar yang didapati lebih kerap menyebarkan berita berunsur fitnah dan berharap mereka lebih bertanggungjawab dalam laporan dan pendirian masing-masing.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, beliau sedang berunding dengan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, bagi memutuskan tokoh yang layak untuk mengisi kekosongan jawatan dua Timbalan Menteri yang diperuntukkan kepada MIC.